Sinar harian
suara cakna komuniti anda

HARI : JUMAAT
TARIKH : 7/2/2020
M/SURAT : 29

Peniaga naikkan harga topeng muka dikompaun

KLANG - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengeluarkan kompaun bernilai RM21,700 sepanjang operasi pemeriksaan penjualan topeng muka sejak 25 Januari lalu.

Timbalan Ketua Setiausaha KPNDHEP, Dr Alauddin Sidal berkata, pemeriksaan itu dibuat susulan penerimaan 31 aduan orang awam.

Menurutnya, sebanyak 1,314 pemeriksaan dilaksanakan dan sembilan buah premis dikenakan tindakan selain membuat rampasan topeng muka bernilai RM3,475.50.

"KPDNHEP telah mengeluarkan kompaun berjumlah RM21,700.

"Sembilan kertas siasatan dibuka mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011," katanya kepada pemberita selepas lawatan ke kilang pembuatan topeng muka Cross Protection (M) di sini semalam.